

# 'Tumpu kepada usul'

UM - 19/11/2006

**KUALA LUMPUR** 14 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan perwakilan UMNO supaya menumpukan kepada usul-usul yang telah ditetapkan dan tidak menyentuh peribadi mana-mana pihak semasa mengambil bahagian dalam perbincangan pada Perhimpunan Agung parti yang akan bermula esok.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, perwakilan disaran supaya memberi tumpuan kepada usul-usul yang telah ditetapkan iaitu ekonomi, pendidikan, agama dan politik.

"Walaupun mereka boleh membangkitkan isu-isu lain semasa membahaskan ucapan dasar Presiden, elakkan daripada me-

nyentuh isu peribadi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato Onn di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Beliau juga mengingatkan para perwakilan supaya mematuhi peraturan yang telah digariskan oleh parti.

"Biarlah perbincangan itu mengikut susunan dan janganlah cakap yang bukan-bukan di luar daripada usul-usul yang telah ditetapkan," tambah beliau.

## Dakwaan

Abdullah berkata, peringatan itu ditujukan kepada semua pihak termasuk semua peringkat dalam parti.

Beliau juga menafikan dakwaan ada pengerusi badan perhubungan negeri mengehendakkan perwakilan membahaskan isu-isu tertentu, sambil menjelaskan bahawa pengerusi perhubungan berkenaan hanya memberi peringatan supaya perwakilan tidak lari daripada usul-usul yang ditetapkan.

**Walaupun mereka boleh membangkitkan isu-isu lain semasa membahaskan ucapan dasar Presiden, elakkan daripada menyentuh isu peribadi**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Presiden UMNO

"Mereka hendak cakap apa, cakaplah, tetapi perbincangan mereka hendaklah terikat kepada usul-usul yang telah ditentukan," tambah beliau.

Ketika ditanya mengenai mesyuarat malam ini, Perdana Menteri berpuas hati dengan perjalanan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO serta menyifatkan mutu perbincangan perwakilan ketiga-tiga sayap itu sebagai memuaskan.

"Mereka telah membahaskan banyak isu yang relevan dengan parti serta kerajaan termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya.

Abdullah menjelaskan mesyuarat itu juga bagi mendapat penerangan dan mak-

lum balas daripada Pengerusi Tetap UMNO serta wakil MT yang menghadiri perhimpunan agung ketiga-tiga sayap itu, yang berakhir petang tadi.

"Kita juga diberi penerangan oleh Setiausaha Agung parti tentang urusan yang ada kaitan dengan Perhimpunan Agung UMNO esok serta segala aktiviti yang berkaitan dengannya," katanya.

Ketika ditanya mengenai cadangan perwakilan daripada Pergerakan Pemuda Terengganu yang menggesa parti menolak sebarang cubaan membawa masuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, beliau enggan mengulas perkara itu.